



2021 (JAN - DISEMBER)

BULETIN

PEJABAT SETIAUSAHA
PERSEKUTUAN SARAWAK

MEMPERKUKUHKAN BUDAYA KERJA BERPRESTASI TINGGI- 2021



BANTUAN KHAS
KEWANGAN (BKK)
- MS 16

SARAWAK CIVIL SERVICE
INNOVATION AWARDS
(SCSICA) 2021



IMBAS KOD QR UNTUK
BULETIN SUPS
2021 SECARA MASA

SIDANG REDAKSI



PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK
JABATAN PERDANA MENTERI



PENAUNG

YBhg. Dato' Amir Bin Omar

PENASIHAT

Encik Banges Munga

KETUA EDITOR

Puan Norhaizum Binti Sahril

PENOLONG EDITOR

Puan Dayang Raihana Binti Abang Iksan

GRAFIK

Encik Micheal Wilter Anak Siris

Encik Rahmat Bin Dahan

SUSUN ATUR

Cik Nurzahraa' Syamimi Binti Raduan

AHLI :-

Encik Stephen Anak Embuyan

Puan Noor Suriati Binti Mohamad

Encik Taufiqul Hakim Mok Abdullah

Encik Jackie Anak Balai

Puan Haminah Binti Mohamad Taib

DITERBITKAN OLEH:

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak
Tingkat 3 &17, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93300 Kuching Sarawak

upa@supsrwk.gov.my
Tel :082-417733/ 255028/ 424432
Faks :082-243332



ISI KANDUNGAN

	M/S
TINTA SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK (SUPS)	
PRAWACANA	
SELAMAT DATANG	
<hr/>	
KUNJUNGAN HORMAT	1-2
LAWATAN KE PEJABAT SUPS	
• Lawatan Ketua Setiausaha Negara	3
• Lawatan Dato Hajah Hanifah Hajar binti Tun Abdul Taib ke Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (PSUPS)	4
PUSPANITA	
• Kunjungan Datin ke Pejabat SUPS	5
• Program penyerahan sumbangan raya kepada semua staff Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	6
BICARA ILMIAH	
• <i>WORLD QuranHour 2021</i>	7
BICARA TOKOH	
• Teh Tarik Session bersama warga SUPS	8
PERKONGSIAN ILMU	
• Kursus Imej dan Keterampilan	9
• Seminar <i>Technology Update : Sharing Knowledge Unit ICT</i> kepada Warga SUP Sarawak	10
• Seminar <i>Technology Update : RUCKUS Next Generation Wi-Fi (The AI Driven Technology)</i>	11
• Kursus Pemantapan dan Penyelenggaraan Talian Rangkaian Sektor Awam Siri 1/2021	12
• Bangunan Gunasama Persekutuan Sarawak	13
• Kuarters Gunasama Persekutuan Sarawak	14
• Pendigitalan: Realiti Perantara	15
• Bantuan Khas Kewangan	16
SUMBANGAN	
• Sumbangan Kewangan dan Bakul Makanan kepada Warga SUPS.	17
• Ziarah Kasih	18
PERHUBUNGAN	
• Mesyuarat Penyelarasan Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan Sarawak Bilangan 1 Tahun 2021.	19
• Mesyuarat Penyelarasan Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan Sarawak Bilangan 2 Tahun 2021.	20
INTEGRITI & KUALITI	
• Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)	21 & 22
• Majlis Penyampaian Anugerah Sarawak <i>Civil Service Innovation & Convention Awards (SCSICA) 2021</i>	23
• Latihan Pengungsian Bangunan (<i>Fire Drill</i>) di Kompleks Persekutuan Kuching	24
• Laporan Naziran Pengurusan Kewangan	25
PEMBANGUNAN	
• Lawatan ke Bangunan Gunasama Persekutuan dan Kuarter Gunasama Persekutuan	26-30
TADBIR URUS	
• Lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Sarawak	31-34
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020	35
ANUGERAH PEJABAT PSUPS	36
PERTUKARAN PEGAWAI PSUPS	37
GALERI PSUPS	38-39



TINTA SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya juga, Buletin tahun 2021 Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (PSUPS), dapat diterbitkan. Semoga dengan penerbitan Buletin ini dapat dijadikan sebagai kayu ukur bagi azam dan semangat yang tinggi dalam diri setiap warga PSUPS dalam mempamerkan kesungguhan dan kreativiti masing-masing bagi menjayakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Harapan saya agar segala usaha memahat lebih banyak kejayaan gemilang buat PSUPS dapat diteruskan selari dengan tema Buletin ini iaitu "Memperkuatkan Budaya Kerja Berprestasi Tinggi". Saya sebagai kepimpinan PSUPS amat mengharapkan sepenuhnya komitmen dan kerjasama daripada warga PSUP Sarawak agar misi dan visi PSUPS yang telah digariskan dapat direalisasikan bersama.

Untuk melangkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang, negara kita harus bijak mengurus kejayaan, serta dengan tegas dan berkesan mengatasi pelbagai kelemahan dan kekurangannya. Cabaran besar yang perlu ditanganinya dalam usaha tersebut ialah pemantapan etika dan integriti. Kedua-dua elemen inilah yang menjadi tunjang kepada budaya kerja berprestasi tinggi yang menjadi sasaran dan cerminan kejayaan dan kegemilangan sesebuah organisasi. Dalam ertikata lain, rapuhnya kedua-dua elemen ini dalam sumber manusia organisasi, maka usaha ke arah memperkuatkan budaya kerja berprestasi tinggi dan cemerlang pasti akan gagal dan seumpama menabur garam ke laut. Sesungguhnya pemilihan tema Buletin kali ini adalah bertepatan dengan Hasrat saya yang ingin mencanai pemikiran warga PSUPS ke arah penjanaan kepercayaan atau pegangan yang bitara, agar ianya menjadi sirat atau jambatan kepada kejayaan matlamat dan misi organisasi ini, yang sudah pastinya disasarkan ke arah budaya kerja berprestasi tinggi dalam menuju kegemilangan. Oleh kerana itu, warga PSUPS seharusnya memiliki elemen pemikiran kreatif, inovatif, swadaya dan budi bahasa yang bernilai tinggi, terhimpun dalam satu pakej dan diterap dalam diri, bagi memastikan kita berupaya memacu dan meneraju perkhidmatan awam Persekutuan di Sarawak.

Bagi membentuk budaya kerja yang berprestasi tinggi dalam organisasi, beberapa perkara harus diberi perhatian yakni orientasi warga kerja haruslah bergerak di atas landasan yang betul sebagai prasyarat bagi menjayakan budaya kerja cemerlang iaitu dengan ada komitmen, mempunyai kesedaran kualiti, bersedia menerima perubahan dan tiada batasan masa untuk cemerlang. Dalam hubungan itu, komitmen daripada segala lapisan warga kerja bagi meningkatkan kecemerlangan organisasi adalah dituntut, dimana kerja yang hendak dilaksanakan perlu dilakukan dengan sepenuh hati atas kehendak organisasi dengan mengetepikan segala kepentingan lain khususnya kepentingan peribadi. 'Mind-set' yang berorientasikan kecemerlangan harus ada pada setiap warga kerja agar sentiasa lebih komited kepada pencapaian matlamat, visi dan misi organisasi. Kesimpulannya, memperkuatkan lagi budaya kerja yang berprestasi tinggi, berprestasi unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan dan kualiti produktiviti serta kejayaan sesebuah organisasi secara total. Pembentukan budaya kerja berprestasi tinggi hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif.

Sekian, saya akhiri tinta bicara saya ini dengan kalimah Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

YBHG DATO' AMIR BIN OMAR
Setiausaha Persekutuan Sarawak



PRAWACANA

Salam Sejahtera, Salam Sarawaku Sayang dan Salam Keluarga Malaysia.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Sidang Redaksi Buletin PSUP Sarawak atas penebitan buletin untuk kali ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan atas penerbitan ini yang pada saya mencerminkan manifestasi unggul pada diri setiap warga yang terlibat.

Saya percaya bukan mudah bagi warga yang terlibat dalam penerbitan ini untuk berusaha mengumpul, menganalisa kesesuaian bahan, menelaah dan seterusnya menterjemahkan bahan-bahan berkenaan melalui idea-idea agar menjadikannya sebagai penarik "selera" untuk pembaca membaca dan menghayatinya



"**Memperkuuhkan Budaya Kerja Berprestasi Tinggi**" sebagai tema untuk buletin pada kali ini, pada saya amat bersesuaian dan bertepatan dengan sedawarsa ini yang menuntut agar penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dilaksanakan terutamanya dalam masa penyampaian perkhidmatan dalam norma baharu. Dalam hal ini, memperkuuhkan budaya kerja berprestasi tinggi wajar bermula pada individu dengan memiliki pemikiran, emosi, perlakuan, sikap dan spiritual yang kukuh dan tidak akan mampu diganggu gugat.

Pengamalan budaya kerja berprestasi tinggi akan membawa negara ke tahap kecemerlangan. Sikap sambil lewa dan acuh tak acuh tidak boleh wujud dalam warga penjawat awam yang berdaya maju. Penerapan pengukuhan budaya kerja yang berprestasi tinggi merupakan salah satu elemen atau nilai penting yang dapat memastikan negara berada di landasan yang betul.

Tuntasnya, budaya kerja berprestasi tinggi perlu diterjemahkan melalui kualiti dan kecemerlangan perkhidmatan yang kita sampaikan selari dengan budaya minda kelas pertama yang menghasilkan kerja di luar jangkauan dan ekspektasi (*beyond expectation*).

Sekian, terima kasih.

BANGES MUNGA

Timbalan Setiausaha Persekutuan
Sarawak



Tahniah & Selamat Datang

YBHG. DATO' AMIR BIN OMAR
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK KE-20





YBhg. Dato' Amir Bin Omar membuat kunjungan hormat kepada YAB Datuk Patinggi Tan Sri Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak



Kunjungan Hormat ke atas

SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK



12 JULAI 2021 - ENCIK MOHD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH
PEGAWAI KEWANGAN PERSEKUTUAN SARAWAK.



16 OGOS 2021- YBHG. DATUK KPJ (PA) ROSLAN BIN WAHAB
KETUA PESURUJAYA ANGKATAN PERTAHANAN MALAYSIA (APM).

Kunjungan Hormat ke atas

SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK



18 MEI 2021 - ENCIK JASNI BIN HJ JUBLI
PENGARAH PEJABAT PILIHAN RAYA, NEGERI SARAWAK.



6 MEI 2021 - YBHG. DATO' DR. NOOR ZARI BIN HAMAT
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA.

Lawatan ke Kuching, Sarawak

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara



Lawatan ke PSUPS

YB DATO HAJJAH HANIFAH HAJAR TAIB

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak)





» LAWATAN YBHG. DATIN ROSMARIYAH ZUHUDI,
PENGURUSI PERSATUAN SURI
DAN ANGGOTA WANITA
PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA (PUSPANITA)
CAWANGAN KECIL PSUPS

"Wanita tegar nan perkasa
Rela berkorban demi keluarga
Berjuang demi pahlawan devisa
Untuk masa depan yang lebih bahagia"





PROGRAM PENYERAHAN SUMBANGAN RAYA KEPADA SEMUA STAFF PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

6 Mei 2021, Program penyerahan sumbangan raya kepada semua staff Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak anjuran bersama PUSPANITA dan Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak.






WORLD #QuranHour 2021

Disediakan oleh
Haminah binti Mohamad Taib

Program *World Quran Hour* berlangsung serentak di seluruh dunia pada 24 Ramadan 1442H bersamaan hari Khamis, 06 Mei 2021 bermula jam 12.00 tengah hari - 1.00 petang dengan membawa misi surah Al-Mulk.

Program *World #QuranHour* telah diadakan secara *live* di Facebook Pejabat SUPS dan Google Meet. Bilangan penyertaan adalah 425 orang yang terdiri daripada Penjawat Persekutuan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam.



"Diwajibkan atas kamu berperang, padahal berperang itu adalah sesuatu yang kamu benci. Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui."

(Q.S. Al-Baqarah: 216)



TEH TARIK SESSION

DATO' AMIR OMAR

bersama warga pejabat SUPS



"Kepada semua penjawat awam terutamanya Ketua-Ketua Jabatan serta petugas barisan hadapan, Negara memerlukan kita semua untuk sama-sama memutuskan rantaian penularan COVID-19"





KURSUS IMEJ DAN KETERAMPILAN

Mengapa imej dan keterampilan sangat penting?

"Keterampilan Sosial boleh ditakrifkan sebagai alat kelengkapan kemuliaan keperibadian untuk membina, membela dan memelihara harga diri apabila berdamping dengan orang lain"

Disediakan oleh
Haminah binti Mohamad Taib

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak telah mengadakan Kursus Imej dan Keterampilan secara webinar untuk Penjawat Awam Persekutuan Sarawak mulai 9.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari. Pejabat ini telah menjemput Encik Hafiz Mustapha (Cutecarry Sdn Bhd) sebagai penceramah dan telah disertai oleh dua ratus empat (204) penjawat awam persekutuan.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penjawat awam berkenaan pengurusan imej dan keterampilan diri yang lebih rapi, selari dengan norma dan kod etika pemakaian bagi meningkatkan keyakinan diri dan menonjolkan kewibawaan serta identiti tersendiri individu tersebut.

"Quality never goes out of style"

5 OKTOBER 2021





Seminar *Technology Update : Sharing Knowledge* Unit ICT kepada Warga SUP Sarawak

Disediakan oleh Encik Rahmat Bin Dahan

Sepanjang tahun 2021, Unit ICT SUP Sarawak telah mengadakan 12 sesi perkongsian ilmu berkaitan perkembangan ICT semasa. Topik ICT dipilih berdasarkan isu semasa atau permintaan dari warga SUP Sarawak sendiri agar kefahaman dan pengetahuan ICT warga SUP Sarawak dapat dipertingkatkan sekaligus membudayakan teknologi ICT di pejabat.

Berikut adalah senarai siri perkongsian ilmu yang telah berjaya dianjurkan oleh unit ICT sepanjang tahun 2021.

Bil.	Tajuk	Tarikh
1.	E-mel MyGovUC 2.0	06.01.2021
2.	Fungsi Tambahan E-mel MyGovUC 2.0 dan LMS	07.01.2021
3.	Tetapan MyGOvUC pada Outlook dan Fungsi Conference pada Icewarp Webclient	14.01.2021
4.	Langkah-langkah menggunakan UPS, Bluetooth Speaker, Web Camera Komputer dengan betul dan Tugasan Pentadbir Sistem ePerolehan	21.01.2021
5.	Langkah-langkah mudah sebagai Urus Setia Sistem MyMesyuarat	28.01.2021
6.	Pengenalan kepada Digital Document Management System (DDMS)	03.02.2021
7.	Langkah-langkah mudah menggunakan Portal Data Terbuka Malaysia	11.02.2021
8.	Langkah- langkah mudah sebagai pengguna dan pentadbir sistem MyTC	26.03.2021
9.	Peranan Sebagai Pentadbir, Urus Setia, Pengerusi dan Ahli Sistem MyMesyuarat	26.02.2021
10.	Teknologi Pengkomputeran Awan - <i>File In The Box</i>	02.03.2021
11.	Langkah-langkah Konfigurasi Active Sync MyGovUc 2.0	19.03.2021
12.	Peranan Urus Setia dan Ahli Sistem MyMesyuarat 2.0	29.07.2021




Seminar *Technology Update : RUCKUS Next Generation Wi-Fi (The AI Driven Technology)*

Disediakan oleh Encik Micheal Wilter Anak Siris (Unit ICT)



22 September 2021- Seminar *Technology Update : RUCKUS Next Generation Wi-Fi (The AI Driven Technology)* dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan penjawat awam terutamanya dari skim Perkhidmatan sistem maklumat (F) di Sarawak mengenai teknologi tanpa wayar (*wireless*)

Penjawat awam yang berkhidmat di Sarawak terutamanya dari skim Perkhidmatan Sistem Maklumat (F) dan warga pejabat SUP Sarawak yang berminat untuk menambah pengetahuan mengenai teknologi capaian tanpa wayar. Seminar ini disampaikan oleh Encik Munawwir Munir Bin Ab Rahim yang bertugas sebagai *Network Consultant di MYI Technologies Sdn Bhd*.



Peserta yang menghadiri seminar ini akan dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai teknologi tanpa wayar (*wireless*) versi 6.0 yang telah menggantikan versi 5.0. Untuk makluman, pejabat kerajaan sekarang masih banyak menggunakan teknologi *wireless* 5.0. Kehadiran peserta pada seminar ini dapat meningkatkan kesedaran penjawat awam tentang kelebihan teknologi *wireless* 6.0 dan mungkin dapat diadaptasikan dalam persekitaran pejabat kelak.



Kursus Pemantapan dan Penyelenggaraan Talian Rangkaian Sektor Awam Siri 1/2021

Disediakan oleh Encik Micheal Wilter Anak Siris (Unit ICT)

15 April 2021- Bengkel Pemantapan dan Penyelenggaraan Talian Rangkaian Sektor Awam (Siri 1) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tingkat 17, Pejabat SUP Sarawak dan Secara dalam Talian (*Google Meet*). Tujuan bengkel adalah untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan penjawat awam terutamanya dari skim Perkhidmatan sistem maklumat (F) di Sarawak dalam pengurusan talian rangkaian *myGov*Net* yang diterima pakai di seluruh pejabat dan agensi kerajaan persekutuan. Penyertaan adalah seramai 60 orang.



Peserta yang menghadiri seminar ini akan dapat mempelajari cara yang tepat dalam menguruskan talian rangkaian *myGov*Net* di pejabat masing-masing. Para peserta turut mempelajari cara menggunakan perisian Exinda (BMT) yang digunakan oleh pihak GITN untuk mengawal dan menguruskan trafik rangkaian di pejabat/agensi kerajaan persekutuan. Sebagai peserta, mereka berpeluang untuk melihat trafik rangkaian secara real-time agensi masing-masing.

Seminar ini disampaikan oleh Encik Sharuddin yang bertugas sebagai Pengurus Negeri di GITN Sdn Bhd (Sarawak) dan Puan Norkartini yang bertugas sebagai Penolong Pengurus di GITN Sdn Bhd (Sarawak)



Peserta juga mendapat pengetahuan untuk mengurus dan menyusun priority capaian aplikasi dalam rangkaian masing-masing berdasarkan keperluan jabatan atau agensi melalui sistem SAMS.



BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN (BGP) SARAWAK

Disediakan oleh Encik Jackie Anak Balai

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (PSUPS) merupakan pemilik 19 Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) di Sarawak dengan keseluruhan 28 blok yang menempatkan pelbagai agensi/ jabatan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Perkhidmatan penyenggaraan bangunan adalah dilaksanakan oleh syarikat konsesi iaitu Ambang Wira Sdn Bhd (AWSB) berdasarkan perjanjian *"Privatization Agreement In Respect Of Building Maintenance Support Services For Government Building"* yang dikawalselia oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF), Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia.



Sehubungan itu, bagi memantau prestasi pihak konsesi bangunan, beberapa medium diterima pakai iaitu Mesyuarat Pemantauan Penswastaan Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan BGP, Mesyuarat Penyelaras Pejabat SUP Sarawak bersama-sama pihak AWSB dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Penyenggaraan BGP.





KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN (KGP) SARAWAK

Disediakan oleh Encik Jackie Anak Balai

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (PSUPS) juga merupakan pemilik 28 KGP di Sarawak dengan jumlah keseluruhan sebanyak 1,003 unit kquarters kelas E, F dan G.

Sehubungan itu, PSUPS adalah bertanggungjawab dalam urusan pemilihan penghuni kquarters dan penawaran unit kquarters serta semua urusan berkaitan kquarters termasuk penyenggaraan serta perkhidmatan pembersihan kawasan. Selain itu, wakil-wakil kquarters juga dilantik dalam kalangan penghuni untuk membantu pemantauan dan pengesahan kerja serta perkhidmatan.





Realiti Berperantara

(Augmented Reality, disingkatkan sebagai AR)



Apa Realiti Berperantara?

Disediakan oleh Encik Micheal Wilter Anak Siris (Unit ICT)

Realiti berperantara adalah sebuah kaedah penderiaan interaktif suatu persekitaran dunia yang sebenar melalui unsur-unsur yang "diperantarkan" oleh maklumat deria janaan komputer (yang kadangkalanya seing bertindihan) termasuk maklumat penglihatan, pendengaran, haptik, sentuhan, dan bauan.

Maklumat deria yang bertindihan boleh membina (yakni menambah kepada persekitaran semula jadi) atau memusnah (menyalubungi persekitaran tersebut) serta disebatikan dengan lancar sehingga maklumat tersebut dianggap sebagai aspek alam nyata yang dapat dirasai dengan mendalam. Dengan cara ini, realiti berperantara mengubah persepsi seseorang mengenai persekitaran dunia sebenar, jika dibandingkan dengan realiti maya yang benar-benar menggantikan persekitaran dunia sebenar dengan suatu gantian yang disimulasikan atau direkakan.

BANGUNAN ARKIB SARAWAK
SIMPAN MAKLUMAT PENTING
BERKAITAN NEGERI - ABANG
JOHARI



Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Datuk Johari Tun Openg (duduk) menggunakan teknologi '**Virtual Reality**' (VR) melihat tapak Projek Bangunan Arkib di Pustaka Negeri Sarawak di Kuching hari ini. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Arpah (kiri) dan Pengurus Pustaka Negeri Sarawak Datuk Tan Sri Hamid Bugor (Kanan).



BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2021 KERAJAAN NEGERI SARAWAK

Sebagai tanda penghargaan Kerajaan Negeri Sarawak terhadap sumbangan Penjawat Awam Persekutuan dalam memakmurkan Negeri Sarawak, YAB Ketua Menteri Sarawak telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2021 sebanyak RM500.00 kepada Penjawat Awam Persekutuan yang bertugas di Sarawak yang telah diumumkan dalam Bajet Negeri Sarawak 2022 pada 12 Oktober 2021 yang lepas.

Peruntukan sebanyak RM66,922,000.00 telah diluluskan untuk pembayaran BKK Tahun 2021 kepada seramai 133,844 orang Penjawat Awam Persekutuan yang berkhidmat sepanjang tahun 2021 mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Pejabat ini juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak atas bantuan yang diberikan kepada Penjawat Awam Persekutuan yang bertugas di Sarawak. Diharapkan agar semua Penjawat Awam Persekutuan di Sarawak berganding bahu dalam usaha merealisasikan visi Negeri Sarawak ke arah negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Disediakan oleh Encik Taufiqul Hakim Mok Abdullah



Sumbangan

BUBUR LAMBUK KEPADA WARGA KOMPLEKS PERSEKUTUAN SARAWAK





Ziarah Kasih kepada isteri arwah Abdul Aziz



Sumbangan Bantuan COVID-19 kepada warga SUPS



29/08/21 | IBK FUND TFR TO A/C
AHMAD ZAKI BIN AFFE*
KSKR
MBB CT-

150.00+

Penyata Akaun Sumbangan RM150 daripada Kelab Sukan, Kebajikan Rekreasi (KSKR).



MESYUARAT PENYELARASAN KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK BILANGAN 1 TAHUN 2021

Disediakan oleh Puan Dayang Raihana Binti Abang Iksan

28 Jun 2021- Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan Sarawak Bilangan 1 Tahun 2021 secara atas talian. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Amir Bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat yang julung kalinya diadakan secara maya memandangkan negara masih dilanda pandemik Covid-19 di mana mesyuarat melibatkan jumlah yang ramai secara bersemuka tidak dibenarkan.



"Mesyuarat ini diadakan bagi membuka satu ruang untuk semua membincangkan isu dan mengutarakan pendapat masing-masing serta masalah yang dihadapi oleh jabatan / agensi untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik" - Dato' Amir.



Mesyuarat turut diselitkan dengan pembentangan daripada Majlis Keselamatan Negara, Negeri Sarawak, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak.



10 November 2021- Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan Sarawak Bilangan 2 Tahun 2021 secara atas talian. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Amir Bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat yang terakhir diadakan bagi tahun 2021.



MESYUARAT PENYELARASAN KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK BILANGAN 2 TAHUN 2021

Disediakan oleh Puan Dayang Raihana Binti Abang IKhsan



Mesyuarat turut diselitkan dengan pembentangan daripada YBhg. Dato' Hasnul Bin Mohamed, Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak, Tuan Haji Azlan bin Ramli mewakili Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan PPJB Tiong Ling Hii, Timbalan Pengarah JBPM, Sarawak mewakili Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Negeri Sarawak.

Mesyuarat turut memberi peluang kepada Jabatan/Agenzi Persekutuan untuk membincangkan isu dan mengutarakan pendapat masing-masing serta masalah yang dihadapi serta mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak telah membuat pembentangan berhubung Pembangunan Luar Bandar, UNIMAS telah membuat pembentangan berhubung Pembangunan Sumber Manusia, JBPM Negeri Sarawak membuat pembentangan berhubung Program Sanitasi Awam.





"PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI"



Disediakan oleh Puan Haminah Binti Mohamad Taib



Pembentukan Pelan OACP PSUPS 2021-2025 merupakan usaha jabatan ini bagi mendukung aspirasi kerajaan dalam memastikan Malaysia dikenali dengan integriti dan bukan kerana rasuah.

Pelan yang komprehensif dan inklusif ini dibangunkan selaras dengan penggubalan Pelan Antirasuah Nasional atau lebih dikenali sebagai "National Anti- Corruption Plan (NACP) 2019 -2023".



[Muat turun dan pasangkan
PelanOACPPSUPS.apk pada peranti
mudah alih anda, kemudian halakan
kamera pada gambar \(m/s 22\)](#)



Kerangka pelan ini adalah hasil perbincangan yang dijalankan diperingkat jabatan melibatkan warga yang telah dilantik bertujuan bagi membangunkan pelan yang lengkap meliputi semua aspek berkait rapat dengan fungsii PSUPS. Kerjasama semua pihak terlibat bersama pemegang taruh dalam membudayakan integriti merupakan gambaran komitmen yang tinggi demi menjayakan aspirasi PSUPS. Pelan ini juga diharapkan mampu mengatasi kelemahan integriti dan tadbir urus dalam organisasi.





SARAWAK CIVIL SERVICE INNOVATION & CONVENTION AWARDS (SCSICA) 2021

'Innovation: Breaking Through Norms', dimana inovasi dilihat dapat memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan di luar norma kebiasaan -

Pada 14 Oktober 2021, Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS) telah menghadiri Majlis Penyampaian Anugerah Sarawak Civil Service Innovation and Convention Awards (SCSICA) 2021 sempena penutupan Sambutan Bulan Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2021. Majlis disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak.



YB Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Ombudsman & Integriti), Datuk Philip Zulpilip, Setiausaha Kerajaan Sarawak, YB Datuk Amar Jaul Samion juga hadir di majlis



berkenaan termasuk juga ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri.



LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN (FIRE DRILL) DI KOMPLEKS PERSEKUTUAN KUCHING

Take fire seriously, move quickly!

Pada 2 Disember 2021, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak telah mengadakan latihan pengungsian bangunan (*Fire Drill*) di Kompleks Persekutuan Sarawak. Pengungsian bangunan bermaksud tindakan mengosongkan bangunan semasa kecemasan atau latihan yang hanya melibatkan penghuni bangunan.



Latihan ini melibatkan setiap jabatan di Bangunan Sultan Iskandar mengikut prosedur operasi standard dengan menjaga jarak dan sentiasa menggunakan pelitup muka sepanjang latihan tersebut dijalankan. Latihan ini telah diketuai oleh Encik Banges Munga selaku Ketua Insiden dan dibantu oleh Jawatan Kuasa Keselamatan Kompleks Persekutuan Kuching. Seramai 666 orang pegawai kerajaan dan 17 orang awam yang telah di kenalpasti berada di kawasan tempat berkumpul. Tujuan pengungsian bangunan ini dilakukan adalah untuk melatih pegawai dan petugas-petugas fire drill yang dilantik agar boleh menjalankan tugas-tugas yang diberikan dengan sempurna dan betul.

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Pandungan, Encik Tan Ann Chai dan pasukan yang banyak membantu sebagai pemerhati sepanjang latihan pengungsian bangunan ini supaya berjalan dengan lancar.



LAPORAN NAZIRAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak




Disediakan oleh Puan Pawef Anak Patem

Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan bagi Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak oleh Jabatan Akauntan Negara Negeri Sarawak pada 26 hingga 30 Julai 2021. Komponen penilaian adalah Aset dan Belanja. Dalam hal ini, prestasi Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak adalah baik.



Seterusnya, Penilaian Penampilan Audit Pengurusan Kewangan di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak oleh Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri adalah pada 1 Disember 2021. Tujuan penilaian ini dibuat adalah untuk menyemak pematuhan hasil penilaian kendiri yang dilaksanakan oleh Jabatan melalui sistem ezSNAP. Penilaian markah Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak oleh Bahagian Audit Dalam adalah SAMA dengan penilaian kendiri yang dilaksanakan oleh Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak melalui sistem ezSNAP.



LAWATAN KE BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN & KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN



Lawatan ke Karters Gunasama Persekutuan Belaga



Lawatan Ke Karters Gunasama Persekutuan Tatau, Jalan Sibu- Bintulu



Lawatan Ke Kuarters Gunasama Persekutuan Miri Jalan Krokop Dan Bangunan Gunasama Persekutuan Miri Jalan Kipas



Lawatan Ke Kuarters Gunasama Persekutuan Sarawak di Jalan Selirik, Kapit





Lawatan Tinjauan Ke Bangunan Gunasama Persekutuan Kapit




**Lawatan Tinjauan Ke Bangunan Gunasama Persekutuan Sibu Blok 1 & 2,
Jalan Ramli Amit**



Lawatan Ke Kuarters Gunasama Persekutuan Di Jalan Bukit Lima, Sibu



Lawatan Ke Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) Lawas





LAWATAN KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DI SARAWAK

PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK



LAWATAN KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)



LAWATAN KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) BAHAGIAN MUKAH



LAWATAN KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DAERAH ASAJAYA



LAWATAN KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DAERAH SONG



LAWATAN KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) SRI BALEH





LAWATAN KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DEWAN MASYARAKAT PAKAN



LAWATAN KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DEWAN MASYARAKAT MERADONG





Sekalung Tahniah

di atas penganugerahan

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020



‘ PUAN AFIDAH BINTI SULONG



‘ ENCIK LAWRENCE ANAK TERESA



‘ ENCIK AHMAD FUAD BIN KADIS

Anugerah PEJABAT SUPS

Beli Beras beli talas,
Beli di pasar hari selasa,
Kerja keras pasti dibalas
Semoga sukses sepanjang masa

Indah sungguh warna pelangi
Tidak luput hingga ke senja
Ke lurah sama diharungi
Usaha bersama membawa bahagia

Buah salak di dalam kantung
Kulit keras isinya kelat
Bulat air kerana pembentung
Bulat manusia kerana muafakat

Beras segantang sudah disukat
Ialu disimpan di atas para
Andai seluruh masyarakat muafakat
Negara damai rakyat sejahtera

Sawah padi luas terbentang
kuning keemasan indahnya maya
percaya mempercayai asas berpegang
Barulah muafakat kekal selamanya

Harum sungguh bunga melati
hiasan sanggul amat memikat
bertolak ansur hormat menghormati
mengukuh perpaduan ikatan muafakat



**Watikah Penghargaan Citra Rakan
Sinergi DBP 2021**



**Anugerah Kecemerlangan Petunjuk
Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun
2020**



YBHG DATUK HAJI MOHD SHAHABUDDIN BIN OMAR
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK



YBHG DATO' AMIR BIN OMAR
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK




ENCIK NORIZAN BIN JILI
TIMBALAN SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK



ENCIK BANGES MUNGA
TIMBALAN SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK



CIK VICKY CHRISTINE ANAK VINCENT AHANG
PENOLONG SETIAUSAHA PERSEKUTUAN



PUAN NORHAIZUM BINTI SAHRIL
PENOLONG SETIAUSAHA PERSEKUTUAN




ENCIK AZLAN BIN KASAH
PENOLONG JURUTERA JA29



ENCIK JACKIE ANAK BALAI
PENOLONG JURUTERA JA29




MOHAMAD HUZAIFAH BIN HAMDAN
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT FA29



ENCIK RAHMAT BIN DAHAN
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT FA29



PUAN AFIDAH BINTI SULONG
PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN S29



PUAN DAYANG RAIHANA BINTI ABANG IKHSAN
PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN S29



PUAN NORLIZAWATI BINTI BOLHASSAN
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) W22



CIK AZLINA BINTI KAMMIGO
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) W22



ENCIK ABANG HAIJAL BIN ABANG SAFFIAN
PEMBANTU TADBIR N19



CIK JONG HUI FUNG
PEMBANTU TADBIR (P/O) N19

Galeri

PEJABAT SUPS



Galeri

PEJABAT SUPS





CATATAN



PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK
TINGKAT 3 & 17, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR
93300 KUCHING SARAWAK
TEL: 082417733
FAKS: 082 243332

